



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

Lembaran Penerangan Produk

Baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil CIMB CashLite. Sila pastikan juga membaca dan memahami set lengkap Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program CashLite dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB Bank yang boleh didapati di laman web kami di www.cimb.com.my.

Dapatkan penjelasan dari institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau istilah umum.

CIMB Bank Berhad

CIMB CashLite

Tarikh: 24 Ogos 2024

1. Apa produk ini berkenaan?

- CIMB CashLite ("CashLite") adalah kemudahan pendahuluan tunai yang memberikan anda sebahagian daripada had kredit tersedia di bawah kad kredit CIMB anda yang dilepaskan ke:

- a) akaun bank pilihan anda dengan CIMB Bank; atau
- b) akaun bank pilihan anda dengan bank-bank lain

dan untuk anda membayar balik CIMB Bank jumlah yang dilepaskan bersama dengan faedah terpakai dengan ansuran bulanan.

- CIMB Bank merizabkan haknya untuk:

- a) menolak mana-mana permohonan secara keseluruhannya; atau
- b) melulusk jumlah CashLite yang lebih rendah

di mana terma-terma (seperti jumlah, kadar faedah dan/atau tempoh) adalah berbeza daripada terma-terma yang diminta oleh anda.

- Anda boleh menerima tawaran tersebut secara lisan melalui panggilan telefon.

2. Apakah yang akan saya dapatkan dari Produk ini?

- Anda akan dapat menikmati pendahuluan tunai tanpa kerumitan pada kadar faedah lebih rendah. CashLite akan diperolehi daripada had kredit kad anda.
- Kadar Faedah CashLite adalah dikenakan seperti berikut:

Kadar Faedah Rata	Sehingga 9.88% setahun
Kadar Faedah Efektif	Sehingga 17.95% setahun
Tempoh	12, 24, 36, 48 bulan

- Setelah permohonan CashLite anda diluluskan, had kredit tersedia anda akan dikurangkan sementara dengan menyekat keluar jumlah bersamaan dengan:
 - a) jumlah CashLite yang diluluskan; dan
 - b) fi pemindahan antara bank ("IBG") RM2.00 (jika anda meminta jumlah CashLite dilepaskan ke akaun anda yang dipegang dengan bank lain.)



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

- Had kredit anda akan secara progresif dipulihkan dan disediakan untuk kegunaan anda (mengikut budi bicara CIMB Bank) dengan jumlah bahagian prinsipal setiap Pembayaran Bulanan CashLite (kemudiannya ditakrifkan) yang dibayar dan setakat pembayaran sebenar yang diterima oleh CIMB Bank.
- Jumlah CashLite yang diluluskan juga akan mengurangkan jumlah had kredit tersedia untuk kesemua akaun kad kredit CIMB Bank anda, termasuk akaun kad kredit tambahan anda.
- Pembayaran Bulanan CashLite akan dicerminkan dalam penyata akaun kad kredit anda, yang merupakan akaun kad kredit pilihan anda.
- Jumlah minimum untuk permohonan CashLite ialah RM1,000.00 dan jumlah maksimum adalah tertakluk kepada budi bicara CIMB Bank tetapi tidak melebihi had kredit tersedia anda.
- Had kredit tersedia anda akan dikurangkan jika anda menggunakan kad kredit anda di antara masa permohonan anda untuk kemudahan CashLite dan masa kelulusan kami.
- CIMB Bank boleh meluluskan dan mengeluarkan jumlah CashLite yang lebih rendah daripada apa yang anda pilih bergantung kepada had kredit tersedia anda pada masa kelulusan.

Anda tidak akan layak kepada sebarang mata bonus atau rebat tunai untuk transaksi CashLite.

3. Apakah kewajipan saya?

Pembayaran ansuran bulanan anda (“Pembayaran Bulanan CashLite”) adalah dikira berdasarkan kaedah seperti yang digambarkan di bawah. Setiap Pembayaran Bulanan CashLite akan dibilang ke akaun kad kredit anda dan anda akan perlu untuk membuat Pembayaran Bulanan CashLite sepenuhnya sebelum tarikh matang kad kredit setiap bulan.

Gambaran di bawah menunjukkan potongan bulanan pada jumlah prinsipal dan faedah dari jumlah prinsipal CashLite tertunggak berdasarkan Pembayaran Bulanan CashLite anda.

Jumlah CashLite	RM5,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Faedah Rata	9.88% setahun
Kadar Faedah Efektif	17.76% setahun
Bayaran Bulanan CashLite	RM 457.83*
Jumlah Faedah	RM494.00
Jumlah Prinsipal & Faedah	RM5,494.00

Bulan	Jumlah Prinsipal Tertunggak CashLite	Pembayaran Balik Prinsipal Bulanan	Faedah Ansuran	Bayaran Bulanan CashLite *
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

6	3,027.50	413.50	44.33	457.83	
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83	
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83	
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83	
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83	
11	896.67	445.17	12.67	457.83	
12	451.50	451.50	6.33	457.83	
Jumlah		5,000.00	494.00	5,494.00	

* Pembayaran Bulanan CashLite untuk bulan pertama mungkin berbeza.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi pemindahan antara bank ("IBG") RM2.00 akan dikenakan sekiranya anda meminta jumlah CashLite dilepaskan ke akaun anda yang dipegang dengan bank lain.

Tiada fi pendahuluan tunai, fi pemprosesan atau fi penyelesaian awal yang harus dibayar ke atas kemudahan CashLite anda.

5. Bagaimakah jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Caj Kewangan: Anda akan perlu membayar caj kewangan 18% setahun ke atas sebarang wang yang tidak dibayar dan masih tidak dibayar kepada CIMB Bank di bawah kemudahan CashLite yang dikira atas dasar baki harian dan dipermodalkan pada setiap tarikh matang penyata kad kredit. Caj kewangan terakru tersebut mesti dibayar sepenuhnya pada tarikh matang penyata kad kredit seterusnya.

Caj Bayaran Lewat: Jika sebarang Pembayaran Bulanan CashLite tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh matang penyata kad kredit setiap bulan, sebagai tambahan kepada Caj Kewangan yang dirujuk di atas, caj bayaran lewat 1% juga harus dibayar ke atas baki tertunggak Pembayaran Bulanan CashLite ini (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00). Caj bayaran lewat ini mesti juga dibayar sepenuhnya pada tarikh matang penyata kad kredit seterusnya.

Kami boleh memberikan kepada anda tempoh tangguh selama empat (4) hari kalender untuk membayar jika tarikh matang bayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

Hak Penolakan: Kami boleh menolak sebarang baki kredit yang anda ada dengan kami dengan sebarang wang yang anda terhutang kepada kami dengan memberikan kepada anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalender.

Tindakan yang boleh kami ambil: Kami boleh mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah terhadap anda jika anda tidak membayar kami tepat pada masanya. Kami boleh:-

- menghubungi anda untuk mengingatkan anda supaya membayar jumlah tertunggak;
- menghantar peringatan kepada anda melalui surat, khidmat pesanan ringkas atau emel; atau
- menghantar kakitangan kami dan/atau kakitangan agensi pungutan hutang yang disumber luar untuk melawat anda di rumah atau tempat perniagaan anda untuk mengingatkan anda tentang tanggungjawab pembayaran anda.

Kami boleh memperuntukkan sebarang wang yang anda mungkin miliki dalam mana-mana akaun anda dengan kami dan melaksanakan hak kami untuk menolak wang tersebut dan/atau menyenaraihitamkan nama anda dengan mana-mana agensi atau biro atau pangkala data kredit.

Sila ambil perhatian juga bahawa kami mempunyai hak untuk melantik ejen luar untuk mengutipkan hutang yang kena dibayar kepada kami dan menjual hutang anda yang terhutang kepada kami kepada pihak ketiga.

Peristiwa Keingkaran: Jika anda gagal membayar Pembayaran Bulanan CashLite untuk 3 bulan berturut-turut atau lebih, semua wang yang kena dibayar dan terhutang di bawah CashLite yang terdiri daripada yang berikut akan menjadi kena dibayar dan harus dibayar oleh anda:

- kesemua Pembayaran Bulanan CashLite yang terhutang;
- jumlah prinsipal CashLite yang belum dibil;
- caj kewangan atau faedah yang terpakai; dan
- baki kesemua wang lain yang kena dibayar dan terhutang di bawah CashLite.

Kami mempunyai hak untuk meminta anda membayar balik jumlah tersebut dengan sepenuhnya serta merta.

6. Bagaimakah jika saya menyelesaikan sepenuhnya baki sebelum tarikh matangnya?

- Tiada tempoh penguncian atau fi penyelesaian awal yang dikenakan pada kemudahan CashLite anda.
- Anda boleh melaksanakan penyelesaian awal pada jumlah tertunggak sebelum tarikh tamat tempoh yang dipersetujui dengan memanggil kami di Pusat Hubungan Pelanggan kami dan memberikan kami notis terdahulu sekurang-kurangnya 30 hari.
- Untuk penyelesaian awal, anda dikehendaki membayar CIMB Bank jumlah prinsipal tertunggak CashLite dan bahagian faedah pro-rata daripada Pembayaran Bulanan CashLite ("Faedah Ansuran") akan dikenakan.
- Sila rujuk kepada Contoh 1 dan 2 di bawah untuk pemahaman yang lebih jelas terhadap pengiraan bahagian Faedah Ansuran pro-rata yang disebabkan oleh penyelesaian awal.

Contoh 1: Penyelesaian awal **sebelum** Pembayaran Bulanan CashLite Pertama dibilkan

Jumlah CashLite	RM5,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Faedah Rata	9.88% setahun
Kadar Faedah Efektif	17.76% setahun
Bayaran Bulanan CashLite	RM 457.83*
Tarikh Kelulusan CashLite	1 Januari 2024
Tarikh Pembatalan CashLite	14 Januari 2024
Tarikh Kitaran Penyata Pemegang Kad	Hari ke-20 dalam sebulan



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

Bulan	Jumlah Prinsipal Tertunggak CashLite (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal Bulanan (RM)	Faedah Ansuran (RM)	Bayaran Bulanan CashLite* (RM)
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83
6	3,027.50	413.50	44.33	457.83
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83
11	896.67	445.17	12.67	457.83
12	451.50	451.50	6.33	457.83
Jumlah		5,000.00	494.00	5,494.00

* Bayaran Bulanan CashLite untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran Faedah Ansuran dan/atau jumlah pembayaran balik prinsipal bulanan

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Januari 2024 iaitu sebelum Pembayaran Bulanan CashLite pertama dibilikan pada 20 Januari 2024, Pemegang Kad akan dikehendaki membayar jumlah prinsipal tertunggak CashLite RM5,000 dan Faedah Ansuran pro-rata RM34.32.

Pengiraan Fedah Ansuran pro-rata CashLite adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Faedah untuk Bulan 1 adalah RM76.00

Faedah Ansuran pro-rata =

Faedah Ansuran Bulanan (untuk bulan yang mana penyelesaian awal dibuat) x Bilangan hari dari tarikh kelulusan CashLite ke tarikh penyelesaian awal CashLite / Bilangan hari dalam bulan tersebut

$$\begin{aligned}
 &= 76.00 * 14 / 31 \\
 &= \text{RM}34.32
 \end{aligned}$$

Contoh 2: Penyelesaian awal **selepas** Pembayaran Bulanan CashLite Pertama dibilikan

Jumlah CashLite	RM5,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Faedah Rata	9.88% setahun
Kadar Faedah Efektif	17.76% setahun
Bayaran Bulanan CashLite	RM 457.83*
Tarikh Kelulusan CashLite	1 Januari 2024
Tarikh Pembatalan CashLite	14 Jun 2024
Tarikh Kitaran Penyata Pemegang Kad	Hari ke-20 dalam sebulan



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

Bulan	Jumlah Prinsipal Tertunggak CashLite (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal Bulanan (RM)	Faedah Ansuran (RM)	Bayaran Bulanan CashLite* (RM)
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83
6	3,027.50	413.50	44.33	457.83
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83
11	896.67	445.17	12.67	457.83
12	451.50	451.50	6.33	457.83
Jumlah		5,000.00	494.00	5,494.00

* Pembayaran Bulanan CashLite untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran Faedah Ansuran dan/atau jumlah pembayaran balik prinsipal bulanan.

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Jun 2024 iaitu selepas Pembayaran Bulanan CashLite ke-5 dibilikan pada 20 Mei 2024, Pemegang Kad dikehendaki membayar jumlah prinsipal tertunggak CashLite RM3,027.50 dan Faedah Ansuran pro-rata RM35.75.

Pengiraan Faedah Ansuran pro-rata CashLite adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Faedah Ansuran pro-rata =

Faedah Ansuran Bulanan¹ x Bilangan hari dari tarikh kitaran penyata² sehingga – tarikh penyelesaian awal/ Bilangan hari bulan kitaran penyata terakhir

$$\begin{aligned} &= 44.33 * 25 / 31 \\ &= \text{RM}35.75 \end{aligned}$$

Nota:

¹Faedah ansuran bagi bulan yang mana penyelesaian awal dilakukan.

²Tarikh kitaran penyata terakhir sebelum penyelesaian awal dilakukan.

7. Apakah risiko utama?

- Pembayaran Bulanan CashLite mesti dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang penyata kad kredit. Sila fikirkan keupayaan pembayaran balik anda apabila memohon CashLite.
- Caj kewangan akan dikenakan ke atas sebarang wang yang tidak dibayar dan masih tidak dibayar di bawah kemudahan CashLite pada setiap tarikh matang penyata kad kredit.



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

- Jika anda mempunyai masalah dalam pembayaran sebarang wang yang kena dibayar di bawah kemudahan CashLite pada tarikh matang penyata kad kredit, sila hubungi kami dengan awal untuk membincangkan pembayaran balik alternatif.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Ia adalah mustahak anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan kepada butiran perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

CIMB Bank Berhad

Unit Resolusi Pelanggan

Alamat : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.

Telefon : +603 6204 7788

E-mel : contactus@cimb.com

Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran balik, anda harus menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

Sebagai alternatif, anda boleh dapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma ke atas pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telefon : +603 2616 7766

Laman web : www.akpk.org.my

Anda juga boleh menyertai Program “Pengurusan Wang Ringgit Anda” (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK yang menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan berhemah. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila hubungi AKPK di +603 2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda juga boleh hubungi Unit Resolusi Pelanggan kami.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Produk kad kredit lain yang boleh didapati:

Sila rujuk laman web CIMB Bank di www.cimb.com.my.



CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P)

NOTA PENTING:

- 1) TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT ANDA.
- 2) SEKIRANYA ANDA PERLUKAN PENJELASAN LANJUT TERHADAP LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI, SILA RUJUK KEPADA KAKITANGAN BANK KAMI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran penerangan ini adalah sah setakat 24 Ogos 2024.